

# Ganja boleh jejaskan fungsi otak, sebabkan halusinasi

**KUALA LUMPUR** - Pengambilan ganja melalui rokok elektronik vape boleh menjejaskan saraf pusat otak hingga mengakibatkan pengguna berhalusinasi dan bertindak di luar kawalan.

Pakar Perunding Perubatan Hospital Pakar Senawang, Dr. Zulkornain Ahmad berkata, kesan halusinasi dapat menyebabkan seseorang melakukan sesuatu di luar sedar hingga mengubah perwatakan asalnya.

Beliau berkata, jika dadah itu diambil dalam dos yang terlalu tinggi atau secara berterusan, pengguna boleh menjadi gila atau tidak siaman akibat tindak balas kimia terhadap otak.

“Kesan pengambilan ganja melalui vape sama sahaja seperti menghisap asap ganja cara biasa kerana ia disedut dengan asap atau wapnya masuk ke dalam badan,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Sementara itu, Pensyarah Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia, Prof. Lekhraj Rampal berkata, industri vape di negara ini perlu dipantau secara serius ekoran peningkatan drastik penghisap vape yang mungkin membawa kepada masalah sosial selain penyakit kronik.

Jelasnya, kandungan nikotin dalam

perisa vape juga boleh membuatkan pengguna terdedah kepada penyakit berbahaya seperti kanser sama seperti perokok biasa.

“Tiada pihak yang memantau penggunaan rokok elektrik ini, jadi jika berlaku apa-apa tiada siapa yang akan bertanggungjawab.

“Kita semua tidak tahu apa kandungan di dalam perisa itu, boleh jadi ia dicampur dengan bahan seperti ganja.

“Kandungan nikotin dalam rokok turut didapati dalam vape. Vape juga bukan satu alternatif untuk mereka berhenti merokok, sebaliknya ia dilihat sebagai satu tindakan untuk menggalakkan perokok baharu seperti golongan wanita,” ujarnya.



**ZULKORNAIN**